

**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL**  
**CENTER FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION**

**Rujukan: UKM.KPD.ODL. 500-4/2/2**  
**Tarikh: 31 Oktober 2022**

**Semua Pelajar ODL**  
Semester 1 Sesi Akademik 2022-2023

Tuan/Puan,

**PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2022-2023**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program *Open & Distance Learning* (ODL) Semester 1 Sesi Akademik 2022-2023 adalah pada 12 Disember hingga 18 Disember 2022. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi setiap kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, Tuan/Puan dikehendaki membuat pengesahan kursus bagi Semester 1 Sesi Akademik 2022-2023 melalui SMPE mulai 7 hingga 13 November 2022. Sila tekan butang SAH sekiranya seranai kursus yang telah didaftarkan di SMPE adalah betul.

Sekiranya Tuan/Puan tidak membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat kursus, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Butiran ini akan digunapakai bagi proses persediaan peperiksaan akan datang.

Pelajar yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak **RM50.00**. Oleh itu, Tuan/Puan dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.



**SITI NUR SHATILA ABDULLAH**  
Penolong Pendaftar  
Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Program ODL (Bahagian ODL)

s.k :

- Penyelaras Program ODL
- Ketua Bahagian ODL

